



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 03/2019 dari 13 Januari hingga 19 Januari 2019)

Pada minggu ke-03 iaitu bagi tempoh 13 Januari hingga 19 Januari 2019 sejumlah 3,330 kes Denggi telah dilaporkan diseluruh negara, iaitu peningkatan sebanyak 4% berbanding 3,202 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan di seluruh negara sehingga 19 Januari 2019 adalah sebanyak 9,119 kes manakala jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 16 kematian.

Sejumlah 1,219 lokaliti wabak yang dilaporkan di seluruh Malaysia pada minggu ke-03. Manakala sebanyak 159 lokaliti hotspot melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 140 hotspot di Selangor, tujuh (7) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, enam (6) di Pulau Pinang, empat (4) di Sabah dan dua (2) di Perak telah dilaporkan.

Dua (2) kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-03. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari 1 Januari hingga 19 Januari 2019 adalah sebanyak empat (4) kes iaitu tiga (3) kes di Daerah Kota Bharu dan satu (1) di Daerah Tanah Merah.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati sebanyak 91 sampel darah dan (dua) 2 sampel

urin dari pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif bagi ujian Zika.

Kes dan wabak Denggi telah meningkat dengan sangat ketara pada permulaan awal tahun 2019 ini. Situasi ini adalah sangat membimbangkan. Justeru itu, kerjasama sepenuhnya dari masyarakat dipohon untuk membersihkan kawasan persekitaran rumah dari tempat pembiakan Aedes. Barang-barang lusuh yang boleh menakung air di persekitaran rumah seperti baldi terpakai, tayar terpakai, sangkar haiwan peliharaan dan sebagainya perlu dibuang ke tempat yang betul. Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga, Ketua Kampung serta pemimpin komuniti perlu menyampaikan mesej berkenaan pembersihan persekitaran kediaman dan kawasan perumahan kepada penduduk. Bahaya jangkitan Denggi perlu diambil serius kerana keluarga kita juga boleh menjadi mangsa. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**30 Januari 2019**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 03/2019**  
**(13 Januari hingga 19 Januari 2019)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes denggi sehingga minggu 03/2019		Kumulatif kes denggi sehingga minggu 03/2018	
		Minggu Epid 03 (13 Januari – 19 Januari 2019)		Minggu Epid 02 (6 Januari – 12 Januari 2019)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	14	0	7	0	44	0	15	0
2	Kedah	69	0	60	0	179	0	77	1
3	P. Pinang	257	1	290	2	763	3	269	0
4	Perak	82	0	78	0	233	1	157	0
5	Selangor	2,003	5	1,814	1	5,249	6	1,637	3
6	WP KL & Putrajaya	276	0	292	1	784	1	281	1
7	N. Sembilan	67	0	68	3	209	3	57	0
8	Melaka	57	0	26	0	107	0	34	0
9	Johor	226	0	274	2	742	2	410	1
10	Pahang	22	0	28	0	72	0	59	0
11	Terengganu	27	0	36	0	87	0	9	0
12	Kelantan	92	0	84	0	253	0	67	0
13	Sarawak	34	0	31	0	87	0	40	0
14	Sabah	101	0	110	0	303	0	225	1
15	WP Labuan	3	0	4	0	7	0	1	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>3,330</b>	<b>6</b>	<b>3,202</b>	<b>9</b>	<b>9,119</b>	<b>16</b>	<b>3,338</b>	<b>7</b>

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 03/2019  
(13 Januari hingga 19 Januari 2019)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 6)	56	129
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 ( Pangsapuri Seroja )	39	119
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres A (Jln 17/1a- 17/15)	103	118
4	SELANGOR	Klang	Seksyen 31 ((Apt Sri Nervilla)	32	110
5	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2d Flat Desa Mentari ( Blok 11 )	36	103
6	SELANGOR	Petaling	Usj 16 (Sri Tanjung Appt)	63	103
7	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b)	70	102
8	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	46	99
9	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Impian Murni 2&3 Saujana Impian	55	99
10	SELANGOR	Petaling	Usj 16	37	94
11	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep7-Rmh Kedai)	30	94
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	33	91
13	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	18	90
14	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	44	90
15	SELANGOR	Klang	T.S (Jln Dato Dagang 26)	15	89
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dayang 26,28,30,32,34,36,38,40,42,44,46,48,50,52,54,56&58/8 Bandar Mahkota	21	89
17	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/1-9 Sek 3 Bandar Sri Putra	20	80
18	SELANGOR	Petaling	Sek 17 (Pdg Jawa C:In Mat Raji Kiri )	33	74
19	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (P/puri Merak & Rumah Pangsa Sri Saujana)	46	74
20	SELANGOR	Klang	Padang Jawa ( P/puri Ken Rimba)	25	73
21	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	34	72
22	SABAH	Sandakan	Kg. Bakau Batu Sapi	17	72
23	SELANGOR	Petaling	Sek U5 ( P/puri Mutiara Subang : Blok 1 - 7 )	17	69
24	SELANGOR	Klang	T.S (Jln Dato Yusuf Shahbudin 1-10)	14	67

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
25	P PINANG	Timur Laut	Mutiara Idaman	16	67
26	WPKL	Putrajaya	Presint 11 - Parcel Zon 4a	31	67
27	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Raya 6 P/puri Mutiara Serdang (Turf View Apt)	29	66
28	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Gembira	33	66
29	SELANGOR	Petaling	Usj 9/3k - Usj 9/3p	39	66
30	SELANGOR	Petaling	Tmn Bukit Kuchai 1 (Jln 9-26)	25	65
31	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 8)	10	65
32	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara (Jln Bk 2)	17	65
33	SELANGOR	Petaling	Sek U16 (P/puri Melati : Blok 11-20)	22	64
34	SELANGOR	Hulu Langat	Kondo Sri Angsana Hilir Taman Sri Angsana Hilir	17	62
35	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Teratai 1/1-1/7 Tmn Bukit Teratai	20	62
36	SELANGOR	Gombak	Kg Sg Tua Bharu	17	62
37	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Tanjung Sek 7 BB Bangi	13	61
38	SELANGOR	Hulu Langat	P/puri Senja Taman Bukit Mewah	13	59
39	SELANGOR	Petaling	Ss 19/1	20	59
40	SELANGOR	Petaling	Tmn Industri Puchong (Jln Tpp 1/1 - 1/19)	8	56
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 ( Setia Damai Teres A : Jln U13/14a - U13/14k )	21	56
42	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Subang Bestari Teres C : Jln U5/71 - U5/80 )	34	55
43	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (P/puri Sri Indah)	23	55
44	SELANGOR	Klang	Kg Sireh Tambahan (Jln Sireh Tambahan 13)	11	55
45	WPKL	Titivangsa	Desa Wangsa Keramat A,B,C,D,E,F (Keramat Hujung)	21	55
46	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 2	31	55
47	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 6 Bandar Sri Putra	11	54
48	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 ( Teres A : Jln Pjs 10/1, 10/3, 10/5 - 10/8, 10/10 )	19	54
49	WPKL	Cheras	Warisan Cityview Fasa 1 (Blok A, B, C, & Chj)	23	53
50	SELANGOR	Petaling	Sek 18 ( Teres E : Jalan 18/28 - 18/33 )	8	52
51	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 ( 1 )	14	52

<b>NO</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>LOKALITI</b>	<b>BIL. KES</b>	<b>TEMPOH WABAK (HARI)</b>
52	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Desa Lembah Permai	42	52
53	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3 ( Kompleks Mais )	15	52
54	SELANGOR	Klang	P/puri Rimau Perdana (Jln Sg Gombak 32/67)	36	52
55	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 ( 2 )	21	51
56	SELANGOR	Klang	Telok Pul;Ai (Jln Dato Amar )	13	51
57	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Flat Desa Peransang 1 (Blok A, B)	13	50
58	SELANGOR	Klang	Kota Pendamar (Jln Permai 4)	18	50
59	SELANGOR	Petaling	Taman Perindustrian Pbp 3	11	50
60	SELANGOR	Gombak	Kg Matang Pagar	7	50
61	SELANGOR	Petaling	Sek 7 (Kolej Unisel & Rumah Kedai)	14	49
62	P PINANG	SPT	Taman Machang Bubok Zon E	28	49
63	SELANGOR	Petaling	Sek U19 ( Rkat Kem Paya Jaras )	13	48
64	SELANGOR	Petaling	BI Pju 6 Flat Pelangi Damansara ( A, B, C )	8	48
65	SELANGOR	Petaling	Sek 13 ( Pangsapuri Perdana )	11	48
66	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2	24	48
67	SELANGOR	Gombak	Flat Pinggiran Bt Caves Zon B	19	47
68	SELANGOR	Klang	Flat Sri Perantau (Blok H,I,J,K,L)	26	47
69	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 5 Flat Desa Ria	15	47
70	SELANGOR	Petaling	Usj 2/5	9	47
71	SELANGOR	Petaling	Sek 7 (Teres E:Jln 7/29 - 7/35)	33	46
72	SELANGOR	Gombak	Tmn Tun Perak	15	46
73	SELANGOR	Petaling	Usj 9/5	11	46
74	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (P/puri Seri Pelangi : Blok 1-3 & Rmh Pangsa Seri Murni Blok 4)	24	46
75	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Apt Suria	19	46
76	WPKL	Cheras	Desa Tasik Awam(Blok 2,4,6)	7	46
77	PERAK	Kinta	Tmn Rasa Sayang	10	46
78	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z3	8	46

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
79	SELANGOR	Petaling	Sek 27 (Teres C: Jln 27/38 - 27/53a)	18	45
80	WPKL	Cheras	Kuarters Integrasi Cheras	20	45
81	SELANGOR	Klang	Sek 25 (Pangsapuri Damai)	44	45
82	SELANGOR	Petaling	Sek U19 (Tmn.Sri Buloh&Rmh Mrh Pkns:Jln U19/1-U19/12c&Rmh Pngsa Tmn Sri Blh)	6	44
83	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	15	44
84	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Usj 2 (Sri Kayan)	23	44
85	SELANGOR	Petaling	Sek 20 (Ktrs Polis:Blok 5 - 12 )	17	44
86	SELANGOR	Petaling	Ss 16 ( E-Tiara Apartment)	8	43
87	SELANGOR	Petaling	Sek 13 (Teres E : Jln 13/77 - 13/78j)	6	43
88	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Tmn Medan Baru ( Teres D : Jln Medan 16, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24 )	12	43
89	SELANGOR	Klang	Taman Batu Belah (Jln Sentosa 61e/Ku3)	8	43
90	SABAH	Sandakan	Taman Mesra	29	43
91	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 1 : Blok 1, 2, 3	14	42
92	SELANGOR	Gombak	Appt Sunway Bt Caves	7	42
93	SELANGOR	Gombak	Tmn Jasa	6	42
94	SELANGOR	Klang	Bandar Putera (Apart Sri Ayu)	13	41
95	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Mewah	6	41
96	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Permai (Flat Blok F)	23	41
97	WPKL	Cheras	Flat Sri S'gor A (Blok 1,3& 5)	6	40
98	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Prima Damansara ( Rumah Kedai : Jln Pju 10/9 )	6	40
99	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Palma (H,I,A,B)	18	40
100	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2-5,7,9&11 Kampung Melayu Ampang Tambahan	5	39
101	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Kenangan	6	39
102	SELANGOR	Gombak	Appt Laguna Biru	7	39
103	P PINANG	SPT	Taman Merak Jaya	7	39
104	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Alamanda - Enau Tmn Bukit Belimbing	13	39
105	P PINANG	SPT	Tmn Desa Damai (Lrg Nangka 2-12)	24	39

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
106	SELANGOR	Klang	T.S Jalan Dato Abdul Hamid 8-17	14	39
107	SELANGOR	Klang	Tlk Gadong Kecil( Jln Yadi Lot 507)	10	39
108	SELANGOR	Klang	Kg Raja Uda, Jalan Melikai	8	39
109	SELANGOR	Hulu Langat	Kwsn Perindustrian Balakong	6	38
110	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Surada	8	38
111	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Kajang Mewah	7	38
112	SELANGOR	Petaling	Sek U13 (Pangsapuri Seri Jati)	10	38
113	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 5 Flat Desa Mentari: Blok 7&8	12	38
114	SELANGOR	Klang	T.T.G.I ( Jln Sama Gagah 18 )	27	38
115	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/1 - 5/8)	11	38
116	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Raya 5 (Sri Siantan)	7	37
117	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama 7Court 1	5	37
118	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Flat Desa Peransang 2 (Blok C, D)	10	37
119	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Intana Ria Sek 7 BB Bangi	20	37
120	SELANGOR	Gombak	Tmn Sahabat	6	37
121	SABAH	Putatan	Kg. Sendil	14	37
122	SELANGOR	Sepang	Apt Ruvena Villa Putra Perdana	12	36
123	SELANGOR	Klang	Kg Sg Udang (Lrg Udang Putih)	13	36
124	SELANGOR	Petaling	Sek U2 (Pangsapuri Jaya)	5	35
125	SELANGOR	Klang	T.S.A Jalan Sri Sarawak 6	9	35
126	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Green Villa Sungai Tangkas	7	34
127	SELANGOR	Klang	Flat Taman Sri Sementa	13	34
128	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 3 (Jln 18/30-18/44 & 18/46)	6	34
129	SELANGOR	Klang	B.B.T Appartment Tropika	6	34
130	SELANGOR	Klang	Tmn Sg Sireh (Jln Sireh 7)	13	34
131	SELANGOR	Klang	Telok Gong (Flat Tmn Sri Nelayan)	8	34
132	SELANGOR	Petaling	Usj 19 ( Starville )	7	33



NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
133	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2c Apt Medan Cahaya ( Blok A - H )	27	33
134	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (P/puri Daisy C : Blok 9 - 13)	10	33
135	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 ( Flat A : Blok 1 - 22 )	6	33
136	SELANGOR	Petaling	Usj 11/2	12	33
137	P PINANG	SPT	Qrts Kastam Perai	10	33
138	P PINANG	SPT	Taman Permata Indah	9	33
139	SELANGOR	Gombak	Appt Impian Indah	10	33
140	SELANGOR	Klang	Teluk Gedong ( Jln Puding )	6	33
141	SELANGOR	Petaling	Sek 14 ( P/puri Vista Alam )	10	33
142	WPKL	Kepong	Taman Mastiara (Jalan /18a)	8	33
143	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2c Tmn Medan (Teres D : Jln Pjs 2c/11, 2c/28, 2c/2 )	9	32
144	SELANGOR	Petaling	Sek U5 ( P/puri Orkid : Blok 7 - 12 )	7	32
145	SELANGOR	Petaling	Sek 27 (Teres D:Jln 27/54 - 27/87)	11	32
146	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Kencana 9,11,15,23,34/2 Tmn Kencana	10	32
147	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Impian	5	32
148	SELANGOR	Petaling	BI Pju 6 Bu 11 (TeresB:Jln 11/1-1/7)	4	32
149	SELANGOR	Klang	Padang Jawa (Condo Ken Rimba)	13	32
150	SELANGOR	Klang	Sek 25 (Apt Mediterranean-A)	32	32
151	SELANGOR	Hulu Langat	Jln 3/13-3/26 Sek 3 Tmn Kajang Utama	10	32
152	SELANGOR	Klang	Pelabuhan Klang (Lrg Seroja)	11	32
153	SABAH	Sandakan	Kg Forest (Jambatan A,B,C)	6	32
154	PERAK	Kinta	Tmn Pusing Baru	13	32
155	SELANGOR	Petaling	Sek 7 (Teres C:Jln 7/10 - 7/22)	11	31
156	SELANGOR	Petaling	Tmn Dato Harun (Teres D : Jln 2/1, 2/3, Lrg 7a, 7c, Jln 2c/1-4,6,8,10 )	4	31
157	SELANGOR	Kuala Langat	Bandar Mahkota (Jln Mentari)	7	31
158	SELANGOR	Gombak	Appt Orkid Rawang Perdana	4	31
159	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3 Taman Sri Haneco	5	31

